

Penerbit **@UTeM**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Bilangan 1/ **April 2008**

**Bengkel Capai Matlamat
Menggalakkan
Penulisan Ilmiah**



UTeM

**TINGKATKAN
Penerbitan Ilmiah
di Universiti**

يوسرسي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Matlamat Memperkasakan
Penerbit Universiti Tercapai**

**PANDUAN
Membina Manuskrip**

**PESTA BUKU
ARABANGSA
KUALA LUMPUR
(F)**

Z
284
.P46
2008
a
Apr
no.1

ISI KANDUNGAN

2

KATA-KATA ALUAN
PENGARAH PENERBIT

3

INFO PENERBIT UNIVERSITI

VISI, MISI, OBJEKTIF
PENERBIT UNIVERSITI UTeM

4

TINGKATKAN PENERBITAN ILMIAH
DI UNIVERSITI

5

TERBITAN BUKU ILMIAH DI UTeM
MEMBANGGAKAN

6

BENGGEL CAPAI MATLAMAT
MENGALAKKAN PENULISAN
ILMIAH

7

PENGENALAN MULTIMEDIA

8-9

SNAPSHOTS

10

MATLAMAT MEMPERKASAKAN
PENERBIT UNIVERSITI TERCAPAI

11

PESTA BUKU ANTARABANGSA
KUALA LUMPUR (KLIF)

ICoBI-MATLAMAT TERCAPAI

12-13

PANDUAN MEMBINA MANUSKRIP

14

STAFF BARU PENERBIT

HARI KELUARGA PENERBIT

15

PENERBIT UTeM JOHAN
KECERIAAN PATRIOTISME
PEJABAT 2006

TIMBA PENGALAMAN DALAM
LAWATANKERJA

Z284 .P46 2008 Apr no.1



87516477



UTeM KATA-KATA ALUAN PENGARAH PENERBIT

Assalamualaikum Wbt.

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya buat pertama kali buletin 'penerbit@UTeM' dapat diterbitkan. Sememangnya usaha untuk menyediakan ruang penulisan ini bukanlah semudah yang disangka dengan tugas hakiki setiap staf yang sedia ada membataskan lagi usaha ke arah penerbitan buletin ini.

Penerbitan buletin 'penerbit@UTeM' bertujuan untuk menjadi medium komunikasi di kalangan warga penerbit universiti dengan para akademik dan staf UTeM sendiri. Selain memuatkan berita tentang aktiviti atau program yang disertai oleh warga penerbit, buletin 'penerbit@UTeM' juga menjadi platform bagi menyampaikan maklumat berkenaan aktiviti-aktiviti penulisan akademik yang dilaksanakan oleh penerbit universiti IPTA-IPTA yang lain.

Sebagai sebuah institusi muda, UTeM umumnya dan khususnya para akademiknya adalah terdiri daripada golongan muda yang penuh dengan tenaga dan buah fikiran yang bernas. Oleh itu menjadi harapan saya agar semua staf akademik di sini untuk sama-sama menghasilkan bentuk penerbitan ilmiah yang lebih banyak dan sesuai dengan kehendak pasaran. Ini kerana bilangan penerbitan ilmiah yang dihasilkan oleh staf akademik masih boleh dipertingkatkan. Dengan adanya ruangan buletin ini diharapkan para akademik akan mendapat serba sedikit idea atau maklumat untuk menerbitkan buku-buku ilmiah.


Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan syabas kepada ahli-ahli sidang redaksi buletin 'penerbit@UTeM' amnya dan khususnya kepada staf Penerbit Universiti kerana telah memberikan sumbangan masa, tenaga dan buah fikiran untuk menghasilkan buletin ini. Saya yakin sumbangan tuar-tuan dan puan-puan akan dimanfaatkan oleh semua.

25 Jun 2008

Penerbit Universiti ditubuhkan sebagai Unit Penerbitan di bawah Pejabat Canselor pada 1 Oktober 2002. Ketika itu, tanggungjawab unit adalah untuk merakam gambar-gambar pegun (still), merakam video, menerbitkan bahan-bahan hasilan grafik di samping menerbitkan buku-buku bagi keperluan Universiti dan masyarakat umum.

Pejabat ini telah dinaiktaraf kepada Jabatan Penerbitan pada 2003 dengan tanggungjawab yang lebih besar iaitu turut menerbitkan bahan-bahan ilmiah. Pada 1 November 2004, jabatan ini telah dijadikan salah satu Pusat Tanggungjawab (PT) yang baru dalam Universiti, sewaktu proses penstrukturan pentadbiran Universiti, dan ditukar nama kepada Penerbit Universiti. Selaras dengan pembangunan universiti, Penerbit Universiti kini bukan sahaja menjadi penerbit bahan-bahan ilmiah untuk Universiti malah telah diberi tanggungjawab melaksanakan aktiviti percetakan berpusat untuk universiti.

Pada tahun 2006 Penerbit Universiti telah dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu Bahagian Editorial, Bahagian Multimedia dan juga Pentadbiran, seiring dengan pembentukan visi, misi dan objektif pejabat Penerbit Universiti semasa Bengkel Penyediaan Plagam Pelanggan pada 23-25 Jun 2006.



VISI, MISI, OBJEKTIF PENERBIT UNIVERSITI UTeM

VISI *أولئهم سنة تزكيتهم*
Menjadi Penerbit Universiti yang kompeten dan terunggul

MISI *ل MALAYSIA MELAKA*
Merealisasikan hasrat dalam memelihara dan mengekalkan penjenamaan universiti dengan memberikan perkhidmatan media berpusat secara profesional berlandaskan pemikiran kreatif dan inovatif sejajar dengan aspirasi universiti.

OBJEKTIF


Mengurus manuskrip dan menyelaraskan penerbitan karya ilmiah dengan imprint Penerbit Universiti mengikut piawaian penerbitan supaya mencapai mutu yang diiktiraf oleh MAPIM.

Membuat kerja-kerja penerbitan media cetak dan digital meliputi penyuntingan bahan ilmiah dan audio-visual, penterjemahan, pencetakan dan mengedarkannya kepada komuniti universiti dan masyarakat umum.

Menyediakan khidmat runding dalam penilaian dan pemilihan peralatan multimedia serta perkongsian kepakaran dalam penerbitan ilmiah dan multimedia.

Menggalakkan penulisan dan penterjemahan dalam menghasilkan bahan yang mempunyai nilai akademik untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran melalui kursus dan seminar.

Menyebarkan informasi dengan cara lebih efektif, kreatif dan inovatif melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam penerbitan.



Sejak sekian lama, penerbitan ilmiah menjadi ancaman yang menakutkan dalam dunia penerbitan di negara ini. Jumlah judul buku ilmiah yang diterbitkan setiap tahun masih terlalu sedikit. Pada tahun 2006, jumlah buku ilmiah yang diterbitkan oleh para penerbit universiti, pusat penyelidikan, dan Dewan Bahasa dan Pustaka yang menganggotai Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) tidak sampai pun 500 judul. Jumlah itu tidak sampai pun lima peratus daripada jumlah keseluruhan buku yang diterbitkan di negara ini. Dalam tempoh 10 tahun yang lalu (1998 - 2007), Yayasan Pembangunan Buku Negara melaporkan bahawa kadar penerbitan negara ini tidak melebihi 10,000 judul baru setahun berbanding 26 juta orang penduduk Malaysia.

Angka yang kecil itu mengundang pelbagai persoalan. Antaranya mengapakah para pensyarah IPT tempatan yang jumlahnya mencapai 15,000 orang itu tidak menulis? Apakah yang dilakukan oleh universiti untuk merangsang kakitangannya menulis? Tiadakah usaha dilakukan oleh para penerbit untuk membina judul? Setakat manakah judul-judul yang diterbitkan itu dapat disebar? Ke manakah buku-buku itu dipasarkan sehingga sukar sekali untuk mendapatkannya? Walau apa pun jawapan yang diberikan, yang jelas penerbitan ilmiah di negara ini, yang masih bertunjangan bahasa Melayu berhadapan dengan pelbagai hambatan. Antara masalah yang paling besar ialah kemampuan penerbitan ilmiah yang berakarkan pribumi dapat kekal bersaing dengan penerbitan ilmiah luar negara. Jika disebut atas nama globalisasi, yang kelihatan ialah kewujudan penerbitan tempatan semakin lemas

Sama ada disedari atau tidak, Prof. Madya Dr. Hamedi Mohd Adnan dalam tulisannya baru-baru ini menegaskan bahawa gergasi penerbit buku teks pengajian tinggi semakin ganas mencengkam pasaran buku untuk universiti. *Prentice-Hall*, *McGraw-Hill*, dan *Thompson* adalah tiga buah penerbit yang sejak kebelakangan ini telah menguasai pasaran buku ilmiah tempatan khususnya sejak kerajaan mengubah dasar berhubung bahasa pengantar dalam pengajaran Sains dan Matematik kepada bahasa Inggeris. Pada sisi yang lain, tambah beliau yang merupakan seorang pensyarah bidang penerbitan di Universiti Malaya, para penerbit ilmiah di negara ini pada umumnya masih mendukung dasar yang mengutamakan penerbitan dalam bahasa Melayu. Ini kerana masih ada sambutan terutama dari kalangan pelajar IPT dan jualan tender perpustakaan.

Kesinambungannya, dari segi kepengarangan karya ilmiah dan pemasarannya yang disebutkan di atas hanyalah dua persoalan daripada sekian banyak hambatan yang mencengkam dunia penerbitan ilmiah tempatan. Persoalan-persoalan yang lain adalah dasar penerbitan, peruntukan, ekonomi penerbitan, harga buku, hak cipta, dan pengiktirafan, masih menjadi 'rentetan syaitan' yang terus mencekik dunia penerbitan ilmiah negara.

TINGKATKAN penerbitan ilmiah di universiti

Lebih-lebih lagi, sejak kerajaan mengubah dasar mengenai pengajaran Sains dan Matematik ke bahasa Inggeris, penerbitan ilmiah tempatan menerima pukulan yang teruk. Bukan tidak ada pensyarah atau penerbit ilmiah yang akan terus menerbitkan buku berbahasa Melayu, tetapi mereka kini 'keliru' sehingga menjejaskan penghasilan karya ilmiah yang dapat membantu mereka meningkatkan diri dalam hierarki akademik masing-masing. Persoalan yang berentetan dalam penerbitan ilmiah tempatan itu perlulah ditangani. Penerbitan ilmiah adalah nyawa kepada citra penerbitan kebangsaan, penerbitan yang menjadi pancang dalam pembinaan tamadun. Sehebat mana pun bangsa itu dalam penerbitan, tanpa penerbitan ilmiah, kehebatan itu tidak akan kekal lama. Penerbitan ilmiahlah yang akan menancapkan kehebatan bangsa itu dalam sejarah kewujudannya.

Sebenarnya, di Barat penerbitan ilmiah mempunyai sejarah yang panjang, dan telah mencapai taraf yang tinggi dan kini melalui proses transformasi. Antara proses transformasi yang sedang dialami termasuklah timbulnya format elektronik terutamanya untuk jurnal, mengiringi atau menyaingi format cetak. Justeru itu wujudnya buku-E (*E-books*) dan jurnal-E (*E-journals*). Untuk format elektronik ini terdapatnya capaian terbuka/ percuma dan capaian berbayar. Pada masa yang sama, ekoran perubahan ekonomi dan persaingan antara penerbit, maka terdapat pula perubahan operasi dalam bidang penerbitan. Kini banyak proses kerja mula berubah iaitu daripada kerja yang dibuat secara dalaman (*in-house*) kepada kerja yang diupah di luar (*outsourcing*). Umpamanya kerja penyuntingan banyak diberikan kepada pekerja bebas, sementara kerja atur huruf pula semakin banyak dilakukan di negara yang mempunyai tenaga kerja yang baik dengan upah yang lebih murah seperti India. Kerja percetakan dan pengedaran pula dilakukan di negara yang cukup prasarana seperti Singapura.

Perubahan ini juga mewujudkan kecenderungan mengadakan usahasama antara penerbit besar dengan institusi akademik yang terkenal. Namun di negara ini, kata Prof. Dato' Dr. Md. Salleh Yaapar dalam rencana yang diterbitkan di Buletin MAPIM menyebut, kebanyakan penerbit ilmiah, masih berada pada tahap sedang membangun. Banyak aspek dan prosesnya sedang diperkemas. Amalan penerbitan yang baik sedang diusahakan dan masih mencuba mencari nama di persada global, ujar beliau, yang merupakan Pengarah Penerbit USM. Justeru banyak yang perlu dilakukan untuk meningkatkan taraf penerbitan di negara ini. Di sini, Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) merupakan platform yang terbaik bagi mencetus sinergi yang lebih proaktif dalam menerbitkan bahan-bahan ilmiah. Kini terdapat 20 IPTA di negara ini, dan apabila digabungkan 20 penerbit universiti, kekuatan yang muncul adalah lebih baik berbanding satu IPTA untuk menebusi persada global.

PENERBITAN BUKU ILMIAH YANG DIURUSKAN OLEH PENERBIT UNIVERSITI UTeM SEMAKIN MEMBERANGSANGKAN. JUMLAH TERBITAN BAGI TIGA TAHUN BERTURUT-TURUT SEBANYAK TIGA PULUH SATU BUAH, INI MENGGAMBARAKAN KEINGINAN STAF AKADEMIK UTeM UNTUK TURUT SERTA MENERUSKAN KECEMERLANGAN AKADEMIK DENGAN TERLIBAT DALAM MENERBITKAN KARYA ASLI.

TERBITAN BUKU ILMIAH di UTeM MEMBANGGAKAN

Penerbitan buku ilmiah yang diuruskan oleh Penerbit Universiti UTeM semakin memberangsangkan. Jumlah terbitan bagi tiga tahun berturut-sebanyak tiga puluh satu buah judul, menggambarkan keinginan staf Akademik UTeM untuk turut serta dalam meneruskan kecemerlangan akademik dengan terlibat dalam menerbitkan karya asli.

Penerbit UTeM telah menerbitkan tiga buah karya asli yang berjudul 'Pengantar Mesin Elektrik' tulisan Prof. Dr. Marizan Sulaiman dan 'Managing IT in Organisations a Multiperspective Framework' tulisan Prof. Dr. Mokhtar Mohd. Yusof dan Real Time Digital Signal Processing' tulisan Norhashimah Mohd Saad dan Abdul Rahim Abdullah.

Sejak kebelakangan ini penerbitan Modul Pembelajaran di UTeM telah mendapat tempat dikalangan staf akademik. Bagi tempoh tiga tahun Penerbit UTeM telah menerbitkan 9 judul Modul Pembelajaran iaitu


- 1) Lab Companion for Data - (Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK))
- 2) Network Analysis & Design - (Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK))
- 3) Beginning Database Design - (Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK))
- 4) Practical Approach to Red Hat Linux - (Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK))
- 5) Computer Programming - (Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK))
- 6) Engineering Practice Electronics - (Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE))
- 7) Engineering Practice Wiring System & Motor Starter - (Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE))
- 8) Engineering Practice Programmable Logic Controller - (Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE))
- 9) Solution Manual of Basic Power System - (Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE))

Kini para penyelidik di UTeM sedang bergerak kearah kecemerlangan. Sebanyak empat puluh lima laporan penyelidikan telah disiapkan pada tahun 2006 oleh para penyelidik dan bahan itu dijadikan prosiding dalam satu Seminar Pencapaian Penyelidikan KUTKM (REACH 06). Pada akhir tahun 2007 prosiding International Conference on Engineering and ICT (ICEI 2007) diterbitkan bersempena International Conference of Engineering & ICT (ICEI 2007) dibawah anjuran Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi.

Pada masa ini terdapat dua buah jurnal diterbitkan dibawah terbitan Penerbit Universiti iaitu :

- 1) Journal of Technology Management and Entrepreneurship (Volume 1 No 1, 2004 sehingga Volume 5 No 2,2006)- (Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK))
- 2) Journal of Advanced Manufacturing Technology.

Bilangan ini merupakan pencapaian yang baik kerana setiap tahun bilangannya bertambah. Penerbit UTeM merasa bangga kerana adanya peningkatan penerbitan buku ilmiah dari tahun ke tahun. Era pembangunan Universiti telah berjaya menghasilkan ramai pakar yang terlatih dan berpengalaman dalam pelbagai bidang. Semua ilmu yang dikuasai perlu ditulis dan dibukukan dalam bentuk yang lebih menarik, boleh dibaca dan difahami oleh ramai khalayak. Oleh itu semua penyelidik dan para ilmunan diminta memberi sumbangan dalam bentuk penerbitan ilmiah bagi merealisasikan objektif utama Universiti.





BENGKEL **CAPAI MATLAMAT MENGALAKKAN PENULISAN ILMIAH**



Bagi memastikan hala tuju penerbitan dapat dijayakan sepenuhnya mengikut perancangan, adalah perlu staf akademik yang ingin terlibat secara langsung dalam aktiviti penulisan diberi bimbingan. Selaras dengan itu, Penerbit Universiti telah menganjurkan Bengkel Penerbitan Ilmiah. Bengkel sehari itu dilaksanakan di Pusat Konvensyen, Kampus Bandar pada 27 March 2008 sebagai program penggalakan. Bengkel ini telah dihadiri seramai 33 pensyarah dari pelbagai fakulti. Program ini adalah sebahagian daripada perancangan peningkatan profesionalisme staf Universiti.



Fasilitator bengkel berkenaan dikendalikan oleh Ustat S. Salahudin Suyuno, En. Mohd Azmi bin Rafi dan Prof. Madya Dr. Darussalam bin Abu Bakar. Kesemua fasilitator ini merupakan pensyarah dari universiti Teknologi Mara Shah Alam. Dengan menghadiri bengkel ini para peserta mendapat pendedahan seperti berikut:

- Bagaimana menghasilkan tulisan yang mencapai tahap atau mutu sesebuah bahan Ilmiah.
- Bagaimana merancang dan menyusun idea, hujah, data atau fakta dengan baik dan tersusun serta menepati piawain bahan-bahan Ilmiah terkemuka.
- Bagaimana untuk mengetahui reputasi dan kriteria sesebuah bahan Ilmiah yang baik.
- Bagaimana untuk mengatasi halangan di dalam penulisan (kurang keyakinan diri, fakta sokongan dan kelemahan bahasa).
- Merancang kemajuan kerjaya melalui penulisan artikel untuk bahan Ilmiah.
- Topik Bahasa Inggeris di dalam bengkel ini hanyalah satu slot kecil sahaja iaitu untuk membincangkan kesilapan lazim di dalam penulisan artikel Inggeris dan kursus ini lebih tertumpu kepada kaedah penulisan Bahan Ilmiah, bukannya kursus bahasa Inggeris.



Kira-kira empat bulan sebelum itu, Penerbit Universiti telah berjaya mengadakan Bengkel Penulisan Jurnal yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kampus Bandar pada bulan November, 2008. Bengkel penulisan manuskrip jurnal ini diadakan untuk menggalakkan aktiviti penulisan manuskrip jurnal di kalangan kakitangan akademik. Bengkel sedemikian perlu kerana aktiviti penyelidikan dan penerbitan dalam jurnal merupakan salah satu tugas utama kakitangan akademik.



Di akhir bengkel tersebut para peserta mendapat pendedahan seperti berikut

- Mempunyai kebolehan merangka dan menulis manuskrip jurnal;
- Mempunyai kebolehan menyemak dan mengedit manuskrip sendiri;
- Mempunyai kemahiran menggunakan *Endnote*.



Pengenalan MULTIMEDIA

Teknologi Multimedia berkembang sangat pesat. Ia menjadi media utama untuk menyampaikan maklumat khususnya melalui komputer internet dan TV. Melalui gabungan beberapa teknologi seperti teknologi komputer, teknologi telekomunikasi, teknologi digital dan animasi, maklumat yang disediakan lebih lengkap, berkualiti, menarik, dan lebih berkesan. Aplikasinya telah merangkumi semua bidang seperti pembelajaran, penyelidikan, pengiklanan, pemiagaan, perubatan, dan lain-lain.

ELEMEN-ELEMEN MULTIMEDIA

Gabungan elemen-elemen berikut dilakukan mengikut jenis maklumat yang hendak disediakan dan sasaran pengguna/pelanggan yang akan menerima maklumat itu.

1. TEKS

Penggunaan teks yang sesuai sangat penting dalam penyediaan maklumat. Bukan sahaja penggunaan perkataan dan susunan ayat yang jelas dan tepat, malah jenis teks, saiz, dan warnanya juga perlu sesuai. Sekiranya ia tidak menarik dan sukar untuk dibaca, maka maklumat yang dipaparkan tidak akan mendapat perhatian daripada pelanggan/pengguna.

Kategori teks:

- Sebagai bahan bacaan.
- Sebagai imej (visual image), animasi, dan interaktif.

2. GRAFIK

Kategori:

- Vector (lines, rectangles, ellipses, arcs, spline curves)*. Primitif objek - lakaran di antara kordinat.
- Bitmapped (photographs/images)* - corak elemen pixels (lokasi, warna dan kecerahan)

Format fail:

*.bmp, *.gif, *.jpg, *.pcd, *.pct, *.pcx, dan *.tif dan sebagainya.

Resolusi monitor:

- bilangan/kepadatan pixels (0.28mm standard)
- Menentukan ketajaman/kejelasan (*sharpness*) objek
- VGA (*video graphic adapter*) 14/15 inci - 640x480 pixels, 256 warna
- SVGA 17 inci - 1024x768 / 1024x1024 pixels, 16 million warna

3. IMEJ

Simbol (*visual symbolisms*) yang digunakan untuk menjelaskan data/maklumat, sebagai elemen kawalan persembahan, dan kemudahan navigasi dokumen multimedia.

Jenis imej:

- *Still Images* - lakaran / ilustrasi, carta/graf
- *Interactive images* - imej untuk mengawal persembahan (*cursor/ikon*)
- *Navigating images* - imej untuk kemudahan menjelajah dokumen (*butang next/previous*)

Image Capture :

Imej / gambar yang di rakam menggunakan mesin pengimbas atau dirakam menggunakan kamera digital. Imej tersebut akan disimpan di dalam susunan bintik-bintik warna bersegi empat yang dipanggil piksel.

Scanner :

menukar imej analog kepada imej/objek digital - boleh diedit, diproses, disimpan oleh komputer.

"satu gambar menyatakan seribu perkataan"

- Berbagai "bit depth" seperti pada kad grafik

- Jenis-jenis scanner :

flatbed, slide, drum, video capture boards (peripheral cards)

- Resolusi:

Nilai dots-per-inch (dpi). (72 dpi sesuai bagi imej)

Tinggi dpi - kualiti lebih baik, saiz fail lebih besar.

- Perisian :

Scanning software

(*TextBridge* - pada *Optical Character Recognition/OCR scanner*)

Image processing software

(*Adobe Photoshop/Corel PhotoPrint*)

4. ANIMASI

Grafik yang dilukis secara bingkai demi bingkai untuk menghasilkan pergerakan yang dinamik dan dramatik.

Kenapa animasi?

Melengkapkan persembahan supaya nampak lebih dinamik, dan akan menarik

lebih tumpuan kepada maklumat yang disampaikan.

(e.g.: dalam persembahan laporan tahunan, *financial data > charts* dengan sedikit animasi)

Mejelaskan sesuatu konsep dan teknik

(Mungkin video klip lebih baik tetapi ia perlu kepada kos & ruang storan yang besar) serta menarik

minat penonton yang mengikuti persembahan.

5. AUDIO/SOUND

- Tiada persembahan multimedia yang tidak mempunyai bunyi.

- Aplikasi bunyi di dalam multimedia - muzik latar, bunyi kesan khas.

- Fail bunyi berbeza mengikut kedalaman bunyi seperti mono atau stereo dan juga kualiti bunyi dalam bit atau *sample rate per byte*.

6. VIDEO

Tidak lengkap sesuatu penerbitan multimedia tanpa sesebuah atau beberapa klip video.



Gambar kenangan bersama peserta Bengkel Penerbitan Ilmiah....



Kagum melihat tulisan Khat yang dipamerkan di Pesta Buku KL....



Peserta Persidangan Antarabangsa Industri Buku (ICoB?)



Pemberian Cenderamata Penerbit Kepada Penceramah sewaktu Bengkel Penerbitan Jurnal....



Ana & Elfa sibuk mengemas barang untuk berpindah ke kampus bandar.....



Mendengar penerangan tentang Penerbit UPENA sewaktu lawatan kerja ke UiTM Shah Alam...



.....merenu



..... Dah penat buat kerja, haus la pulak....




3 Jejaka Macho yang membuat latihan praktikal di Penerbit pada tahun 2007..... Wan, Joe + Faris



Sedang khusyuk mendengar penerangan.. daripada penceramah.....



Mendengar penerangan daripada Pengarah Penerbit semasa di Bengkel SKT, Langkawi.....



..... masa depan Penerbit Universiti 5 tahun akan datang.....



Bergambar kenangan sewaktu mengadakan Bengkel SKT di Langkawi.....



MATLAMAT MEMPERKASAKAN PENERBIT UNIVERSITI TERCAPAI

25 ~ 27 NOV. 2006

anjutan daripada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penerbitan Universiti (JKPU) bil. 1/2006 pada 31 Oktober 2006, Penerbitan Universiti telah mengadakan Bengkel Hala Tuju Lima Tahun. Bengkel dua hari itu berlangsung di Terengganu Equestrian Resort, Kuala Ibai, Kuala Terengganu, Terengganu pada 25 - 27 November 2006 lalu.

Fasilitator bengkel berkenaan dikendalikan sendiri oleh Pengarah, Puan Hj Faridah binti Hj. Md. Amin. Semua staf dari ketiga-tiga unit Media Grafik, Editorial dan Multimedia telah memerah otak, yang akhirnya bersetuju mempunyai satu objektif utama jabatan iaitu untuk menjadi Pejabat Penerbit sebagai 'Production House' dalam bidang penerbitan.

Kami sepakat menggariskan lapan perkara untuk mencapai objektif utama Penerbit Unversiti iaitu:

1. Mempunyai staf yang kompeten, berkelayakan dan berpengalaman.
2. Kemudahan peralatan dan ICT yang mencukupi, cekap, selamat dan boleh dicapai bila-bila masa.
3. Menyediakan perkhidmatan penerbitan yang berkualiti dengan memberi fokus kepada kepuasan pelanggan.
4. Menghasilkan produk yang berkualiti setaraf dengan penjenamaan universiti
5. Persekitaran dan ruang kerja.
6. Meningkatkan program kerjasama dengan rakan penerbit/ industri.
7. Menyediakan kemudahan logistik
8. Menjana pendapatan melalui perkhidmatan kepakaran dan perundingan.



23 ~25 JUN 2006

Kira-kira lima bulan sebelum itu, pejabat ini telah berjaya mengadakan Bengkel Penyediaan Piagam Pelanggan yang berlangsung di Glory Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Pada bengkel tiga hari ini, satu visi dan misi Penerbit Universiti telah dapat dipersetujui. Darpada pernyataan itu di gariskan lima objektif utama, antaranya ialah pengurusan manuskrip karya ilmiah ferbitan UTeM, proses penerbitan media cetak dan digital, perkhidmatan perundingan berkaitan percetakan dan peralatan, penulisan bahan-bahan ilmiah dan penyebaran maklumat dengan lebih kreatif dan inovatif.



pesta buku ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (KLIFB)

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur bagi tahun 2008 telah pun berlangsung dengan jayanya di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 4 hingga 13 April 2008. Pameran itu bertempat di Dewan Tun Razak 2 dan dibuka dari jam 10.00 pagi hingga 7.00 malam (hari bekerja) dan jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam (hari minggu).

Tujuan pameran adalah lebih kepada untuk memperkenalkan buku-buku terbitan Penerbit Universiti di samping menjual buku-buku yang telah diterbitkan. Kesempatan ini telah diambil oleh Penerbit Universiti untuk mempromosi dan memasarkan buku-buku terbitan UTeM kepada publik. Seperti tahun sebelumnya, pameran kali ini turut disertai oleh ahli-ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) yang terdiri daripada Penerbit-penerbit di IPTA dan juga Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) dan beberapa pusat penyelidikan pertanian.

Kemeriahan semasa pameran tersebut semakin dirasai apabila mendapat kerjasama daripada semua kakitangan di Penerbit bermula dari persiapan penyediaan barang-barang pameran hingga ke hari akhir pameran tersebut.

Jualan kali ini menunjukkan adanya peningkatan jualan berbanding dengan tahun sebelumnya. Kerjasama yang dipupuk ini diharap akan berkekalan dan dipertingkatkan dari masa ke semasa. Harapan di masa akan datang agar lebih banyak buku-buku ilmiah akan dapat diterbitkan dari masa ke semasa untuk dipasarkan. Kerjasama dari pensyarah-pensyarah yang budiman amatlah diharapkan.

Oleh itu, diharap pada pameran buku yang akan datang, lebih banyak buku keluaran UTeM di bawah Penerbit Universiti UTeM dapat diterbitkan dan memenuhi kehendak pasaran semasa.

ICoBI MATLAMAT TERCAPAI

Persidangan Antarabangsa Industri Buku (ICoBI) yang julung kali dianjurkan bersama-sama oleh Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) dengan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) telah berlangsung pada 4 - 5 April 2008 lalu. Persidangan bertaraf antarabangsa itu diadakan bersempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIFB) 2008 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), yang berlangsung dari 4 hingga 13 April 2008.

Persidangan antarabangsa ini adalah medan bagi pengamal dan penganjur penerbitan buku tempatan dan luar negara, untuk bertukar dan berkongsi idea, pengalaman dan hasil penyelidikan serta kegiatan mengenai penerbitan dan perkembangan industri buku dalam konteks global.

Sebanyak 17 kertas kerja telah dibentangkan oleh pengamal penerbit buku dari dalam dan luar negara serta lima laporan negara mengenai industri buku dibentangkan iaitu dari Filipina, Brunei Darussalam, Indonesia, Singapura dan tuan rumah Malaysia.

Keseluruhan persidangan telah dilaksanakan dalam empat sesi iaitu sesi Ucapan Utama dengan kertas kerja bertajuk "Current Challenges in Book Publishing and Marketing" oleh CEO IGroup Print, George J. Farina dari Amerika Syarikat dan "The Significance of Co-editions/Co-publishing and Subsidiary Right in the Publishing Industry" oleh Pengerusi *Institute of Book Publishing*, India, S.K. Ghai. Sesi kedua tertumpu kepada Forum Perindustrian yang membentangkan laporan-laporan industri buku di lima negara ASEAN, manakala sesi ketiga ialah sesi selari yang memperkatakan industri buku dalam perspektif perindustrian dan akademik. Sesi akhir ialah forum perindustrian buku.

Tidak ketinggalan juga pengamal penerbit buku tempatan seperti Roosfa Hashim dari Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kertas kerja bertajuk "Peranan Editor Perolehan Dalam Pembinaan Judul dan Anjakan Ilmu"; Pengarah Penerbitan II (Pendidikan Tinggi dan Profesional) Arah Pendidikan Sdn. Bhd., Hasri Hasan (*Academic Publishing in Malaysia: Arah Publications as A New Imprint to Expand Academic Publishing in Malaysia*) dan Timbalan Pengerusi Yayasan Pembangunan Buku Negara, Haji Shaari bin Abdullah (Akademik Buku Malaysia sebagai Pemangkin Untuk Melonjakkan Industri Buku Negara ke Tahap Negara Maju).

Persidangan itu mengenalpasti beberapa isu dan cabaran yang perlu diketengahkan dalam industri buku secara global. Antaranya ialah keupayaan dan kuasa penerbit individu, kerjasama di kalangan penerbit dalam wilayah ASEAN, mewujudkan usahasama dalam bidang penyuntingan dan penerbitan buku-buku terpilih, pemasaran buku menjangkau persempadanan negara, dan penerbitan elektronik (*e-Publication*) serta pemasaran dalam talian (*on-line marketing*).





Panduan Membina Manuskrip...

Penerbit UTeM ditubuhkan dengan matlamat menyediakan kemudahan ke arah membantu dan menggiatkan staf Universiti menghasilkan karya asli atau terjemahan bagi kegunaan para pelajar di samping menyediakan bahan bacaan umum kepada masyarakat seluruhnya.

Bagi memastikan proses penerbitan dapat ditangani secara lancar, penulis atau bakal penulis dinasihatkan supaya menjadikan garis panduan ini sebagai bahan rujukan sepanjang mengusahakan kerja-kerja penulisan atau penyediaan manuskrip.

PERMOHONAN MENULIS

Penulis yang berminat untuk menghasilkan penulisan karya asli disarankan supaya mengajukan permohonan kepada Penerbit UTeM dengan mengemukakan judul yang dicadangkan, senarai kandungan dan jadual perancangan penulisan. Maklumat ini diperlukan bagi membolehkan Penerbit UTeM membuat pemantauan dan mengelakkan berlaku pertindihan dengan judul lain yang ada dalam perancangan.

Semua judul manuskrip berkenaan perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Penerbitan Fakulti/Jabatan (JKPF) sebelum diserahkan kepada Penerbit Universiti, yang akan dibawa judul tersebut ke Mesyuarat Jawatankuasa Penerbitan Universiti (JKPU) untuk makluman dan kelulusan.

PEMBINAAN MANUSKRIP

- Penulis dikehendaki menyerahkan DUA (2) salinan manuskrip bercetak (hard copy) dan SATU CD (soft copy) yang mengandungi maklumat manuskrip berkenaan.
- Penulis digalakkan menggunakan perisian Word (versi terkini) dengan komputer yang sesuai.
- Manuskrip hendaklah ditaip dengan kemas, bersih dan selaras dengan menggunakan kertas yang berukuran/bersaiz A4, langkau dua (2) baris dengan sebelah halaman bercetak sahaja.
- Penulis hendaklah memastikan supaya setiap halaman teks mempunyai jidar/biral yang piawai iaitu berukuran dari kiri 32 mm (1.25"), kanan 32 mm (1.25"), atas 25 mm (1.0") dan bawah 32 mm (1.25").
- Sebuah manuskrip ditakrifkan sebagai lengkap apabila ia memenuhi syarat untuk dijadikan sebuah buku. Pada umumnya, sebuah buku mengandungi tiga bahagian utama yang terdiri daripada Bahagian Awalan, Bahagian Teks dan Bahagian Akhiran. Oleh itu, seseorang Penulis hendaklah memastikan manuskrip yang disediakan mengandungi ketiga-tiga bahagian berkenaan.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

- Bahagian Awalan (Prelim) seperti judul buku, halaman dedikasi, kandungan, senarai ilustrasi, senarai jadual, senarai penulis/penyumbang, halaman epigraf, halaman kronologi, halaman prakata, halaman pendahuluan/pengenalan, halaman penghargaan, halaman singkatan simbol. Bagi setiap halaman ini hendaklah dicatatkan/dinomborkan bilangan muka surat (folio) dengan menggunakan angka Roman kecil seperti i, ii, iii, iv, v, vi dan seterusnya.
- Bahagian Teks merupakan bahan yang terletak di antara bahagian awalan dan bahagian akhiran yang terdiri daripada sama ada bahagian, bab dan sub-bab. Halaman teks hendaklah diberi bilangan muka surat (folio) menggunakan angka Arab seperti 1, 2, 3, 4, 5 dan seterusnya.
- Bahagian Akhiran merupakan bahan yang menjadi rujukan kepada pembaca untuk memahami teks dengan lebih mendalam mengikut turutan seperti yang dicatatkan di bawah:
 - Biografi penulis (jika ada).
 - Lampiran (jika ada).
 - Nota (jika ada).
 - Senarai istilah (jika ada).
 - Glosari (jika ada).
 - Bibliografi (jika ada).
 - Indeks (perlu disediakan).
- Penulis digalakkan mengikut dan menerima pakai Gaya Dewan (DBP) dalam penyediaan manuskrip seperti penggunaan huruf besar, huruf condong, tanda bacaan, sistem penomboran akronim, ejaan dan tatabahasa.
- Penulis manuskrip sains dan kejuruteraan perlu memberi perhatian yang mendalam dan serius kepada aspek keseragaman dalam penggunaan istilah, unit ukuran, dimensi, simbol, rumus matematik, tanda-tanda teknikal dan lain-lain. Penggunaan aspek di atas hendaklah menurut piawaian Gaya Dewan.
- Reka letak teks sebaik-baiknya hendaklah diberikan perhatian di peringkat mula penyediaan manuskrip menurut peringkat-peringkat di bawah:
 - TAJUK BAB - boleh dibuat dalam huruf besar, atau huruf besar dan huruf kecil, dan boleh diletak sama ada di tengah-tengah, santak ke kiri atau ke kanan menggunakan saiz taip yang sesuai.
 - Pecahan tajuk kepada subtajuk boleh dibuat tetapi pecahan lebih daripada LIMA (5) lapis subtajuk tidak digalakkan. Pecahan subtajuk boleh dibuat dengan menggunakan huruf tertentu mengikut paduan status pecahan.

.....sambungan dari muka surat 12

Misalnya:

- i. Subtajuk Pertama
terdiri daripada huruf besar bold;
- ii. Subtajuk Kedua
terdiri daripada huruf besar, huruf kecil, bold dan italik
- iii. Subtajuk Ketiga
terdiri daripada huruf besar, huruf kecil, bold dan italik
- iv. Subtajuk Keempat
terdiri daripada huruf besar, huruf kecil dan medium
- v. Subtajuk Kelima
terdiri daripada huruf besar, huruf kecil dan italik

PENYERAHAN MANUSKRIP

- a. Manuskrip yang diserahkan kepada Penerbit UTeM hendaklah terdiri daripada keseluruhan bahan dalam bentuk salinan asal yang bercetak.
- b. Manuskrip hendaklah diserahkan dalam bentuk rata, iaitu tidak berlipat atau bergulung atau lain-lain cara yang boleh menjejaskan proses penilaian oleh Penilai dan dimasukkan ke dalam sampul surat dengan pengikat lembar yang kuat. Penjilidan yang sesuai dilakukan terlebih dahulu atau boleh memohon dibuat oleh Pejabat Penerbit.
- c. Manuskrip yang diserahkan kepada Penerbit UTeM hendaklah merupakan cetusan pemikiran terakhir sesuatu penulisan oleh penulis dan BUKANNYA suatu draf yang akan dipinda kemudiannya.
- d. Semua ilustrasi seperti fotografi, gambar rajah, carta, graf, peta dan lukisan hendaklah diserahkan dalam warna @ hitam putih (kecuali dalam kes-kes tertentu) dan boleh dikemukakan secara berasingan daripada teks atau meletakkan terus di dalam teks. Sekiranya ilustrasi berkenaan disediakan secara berasingan, dinasihatkan supaya setiap ilustrasi berkenaan diberikan tajuk dan nombor di bahagian belakang. Tajuk dan nombor yang dicatatkan hendaklah sama dengan yang tercatat di dalam ruangnya yang terdapat di dalam halaman teks.
- e. Manuskrip yang diserahkan dengan menggunakan tulisan tangan TIDAK akan diterima.

Pening2Lalat.com



Wei Es...ko ada nampak si Jojo tak?
was aku pusing pejabat Penerbit ni..
Haram tak jumpa pun mamat tu...


Wei Es..aku tanya ko ni...
Ish aku ni macam cakap dengan almari belakang
ko ni plak...Ko ada namapak Jojo tak?

Kacau betul Si Dol nih..
Dahla aku tgh sibuk dengan
laman web Arsene Wenger
idola aku nih...

Jojo yang ko cari?




STAFF BARU PENERBIT



Dalam usia yang muda dan dikelilingi staf berpengalaman, Mohd. Alwi bin Abdul Hamid dikenali sebagai Alwi telah melaporkan diri untuk bertugas di Penerbit Universiti pada 14 Januari 2008 sebagai pembantu am pejabat. Berusia 24 tahun dan berasal dari Tenggera, Melaka. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Kebangsaan Anglo Chinese School

Selang seminggu kemudian diikuti pula En. Asri bin Abu melaporkan diri untuk bertugas di Penerbit Universiti UTeM pada 21 Januari 2008 sebagai jurufoto B17. Berusia 30 tahun mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Munshi Abdullah, Melaka. Skop utama tugas beliau adalah menyediakan perkhidmatan bagi liputan jurufoto bagi setiap majlis atau upacara rasmi Universiti dan mengarkibkan bahan berkenaan. Ketika diwawancara beliau melahirkan rasa syukur yang amat sangat kerana diberi peluang untuk berkhidmat di UTeM.



Raziah binti Abdul Rahman memulakan khidmat di Bahagian Editorial, Unit Pemasaran, Penerbit Universiti, UTeM pada 1 April 2008 sebagai Pegawai Penerbitan N41. Skop utama tugas beliau adalah menguruskan segala program yang melibatkan pengeluaran dan pemasaran buku di Penerbit Universiti. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sharifah Rodziah, Telok Mas, Melaka. Beliau seterusnya melanjutkan pelajaran peringkat ijazah di Universiti Putra Malaysia dalam bidang Komunikasi Korporat.

Dikesempatan ini juga beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada warga Penerbit Universiti kerana mendapat kerjasama yang baik dari rakan sekerja



Hari Keluarga Penerbit...

Negeri Sembilan, Feb. 2008 - Wet World Pedas, menjadi pilihan Penerbit Universiti untuk mengadakan Hari Keluarga, yang turut disambut oleh staf yang pernah berkhidmat dengan pejabat ini sebelum 2008.

Program yang bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim antara keluarga staf di samping memupuk semangat kesetiaan kepada pejabat, sepatutnya diadakan pada akhir tahun 2007. Program ini tidak dapat dilaksanakan kerana masalah teknikal dan beberapa tugas penting yang perlu disiapkan oleh pejabat ini di akhir tahun.

Bagaimanapun dengan kesungguhan beberapa staf yang terus berusaha mencari tempat yang sesuai, akhirnya pada 2 Februari 2008 (Sabtu), perancangan yang dibuat sejak sekian lama, dapat dijayakan. Sebahagian staf Penerbit berkumpul di Kampus Industri dan bergerak menuju Wet World Pedas, yang cuma mengambil masa kira-kira sejam perjalanan melalui lebuh raya utara selatan.

Semua staf Penerbit selamat tiba di Wet World Pedas antara pukul 9.45 pagi dan 10.10 pagi. Seperti yang dirancang, masing-masing membawa hidangan yang telah dipersetujui seperti ketupat, rendang, pelbagai mi goreng, kuih muih, buah-buahan dan tidak ketinggalan air minuman. Kesemua hidangan disajikan dan semua staf bersarapan pagi.

Ketua Pustakawan, Hjh. Faridah bt. Hj. Md Amin, yang memangku tugas Pengarah Penerbit Universiti melahirkan rasa gembira kerana semua staf dapat berkumpul bersama-sama keluarga masing-masing di samping staf Penerbit yang telah ditukarkan ke pejabat lain.

"Program seumpama ini diharapkan dapat dilaksanakan secara berterusan kerana dapat merapatkan hubungan silaturahim di antara keluarga dan staf di samping memupuk semangat kerjasama di kalangan staf dalam meningkatkan imej pejabat Penerbit," ujarnya.

Sudah tentulah yang bergembira adalah anak-anak yang dapat bermain air dan tidak ketinggalan si bapa yang turut merendam serta menuruni gelombang air setinggi 5 meter. Mereka menghabiskan masa kira-kira lima jam bermain air dan berendam dalam air panas semulajadi. Turut serta ialah Mohd Nor, Nurulidayu, Aziza, Mawarni dan Elfa Lily bersama keluarga masing-masing di samping dua staf baru Penerbit yang melaporkan diri pada Januari lalu iaitu Mohd Alwi dan Asri. Staf Penerbit ketika itu ialah apis, shahar, wak, manis, ruzi, zul, adi, ana serta rahim.



PENERBIT UTeM JOHAN Keceriaan Patriotisme Pejabat 2006

TAHNAH kepada staf Penerbit Universiti kerana terpilih sebagai Johan Keceriaan Patriotisme Pejabat 2006. Kejayaan ini adalah berkat kerjasama dan kesepakatan semua staf pejabat Penerbit dalam menceriakan pejabat dengan konsep kupu-kupu.

Pengumuman perkara itu telah dibuat pada perhimpunan bulanan Universiti pada bulan November 2006 lalu. Pejabat Penerbit UTeM menerima wang tunai RM500 yang telah dimasukkan ke dalam tabung kebajikan pejabat untuk digunakannya oleh staf Penerbit.

Pengarah Penerbit, Hjh. Faridah Bt. Hj. Md. Amin memberitahu, kejayaan itu adalah hasil kerjasama dan idea semua staf Penerbit. " Dalam satu mesyuarat, staf telah melontarkan idea dan setiap seorang diberi tugas dan mereka telah melaksanakannya dengan baik," katanya sambil mengucapkan terima kasih kepada semua staf Penerbit yang telah memberikan kerjasama dan bergotong royong menjayakan program itu.

Program keceriaan patriotisme pejabat adalah program anjuran Universiti bersempena dengan sambutan bulan kemerdekaan negara yang ke 49 pada bulan Ogos 2006 lalu. Semua fakulti, pusat pengajaran dan pembelajaran serta pejabat pentadbiran di Universiti ini telah diminta menghiasasi ruang tamu pejabat masing-masing dengan keceriaan kemerdekaan yang patriotik. Pertandingan Keceriaan Patriotisme Pejabat Sempena Bulan Kemerdekaan 2006 yang bermula pada 21 Ogos sehingga 15 September 2006. Program ini dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Saksiah, Bahagian Pembangunan Organisasi dan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar.

Staf pejabat Penerbit telah bergotong-royong selama beberapa hari, menghiasi ruang tamu pejabat di Aras 7, Bangunan Akademik, Ayer Keroh dengan Jalur Gemilang serta juga Jalur Gemilang yang bertali, panji-panji dengan gambar lima Perdana Menteri dan poster yang menggambarkan peristiwa paling bersejarah negara iaitu Tunku Abdul Rahman Al-Haj mengangkat tangan meneriak 'merdeka' pada sambutan kemerdekaan Tanah Melayu ketika itu di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada 31 Ogos 1957.

Perbelanjaan menghiasi ruang tamu adalah minimum tetapi hasil kreativiti staf terutamanya Hafidz, Zul, Maness, Rais dan Aziza dibantu oleh Wanie, Ruzi, Ana, Elfa serta sokongan Puan Hjh. Faridah, telah membuahkan hasil. Mereka menggunakan peralatan dan bahan sedia ada untuk menceriakan pejabat dengan unsur-unsur kemerdekaan dan patriotisme. Sokongan, kerjasama dan usaha semua staf Penerbit telah menukar ruang tamu pejabat dengan wajah kedai buku kepada ruang pameran yang penuh dengan unsur-unsur patriotisme kemerdekaan Malaysia ke-49.



TIMBA DALAM PENGALAMAN LAWATAN KERJA

Senario perkembangan aktiviti penerbitan ilmiah di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) masa kini memperlihatkan pola dan tempo yang hampir sama iaitu kategori bahan terbitan yang terbatas dan penerimaan yang sentiasa menagih simpati. Namun bagi setiap Penerbit Universiti berkenaan, mereka mempunyai kekuatan dan pengalaman yang tersendiri.

Kekuatan dan pengalaman tersendiri inilah yang sedang giat dipelajari oleh Penerbit Universiti UTeM, melalui lawatan kerja. Sehingga kini Penerbit UTeM telah melakukan empat siri lawatan kerja bermula ke Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM) pada 2003, Penerbit Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) pada 2004, manakala pada tahun 2007 ke Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) serta Jabatan Komunikasi Korporat dan Perhubungan Antarabangsa (JKKPA) di Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada Februari 2007 dan Penerbit Universiti Utara Malaysia (UUM) pada Mac 2007.

Siri lawatan kerja ini adalah bagi melihat sendiri pengurusan dan operasi penerbit universiti berkenaan di samping mengadakan perkongsian ilmu dalam menjalankan program-program yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab sebagai sebuah jabatan yang bertanggungjawab dalam penerbitan ilmiah.

Memandangkan Penerbit UTeM baru berusia lima tahun, dan mula mengorak langkah menerbitkan buku ilmiah dan jurnal, masih banyak lagi kelemahan yang perlu diperbaiki untuk menjadi sebuah penerbit bahan ilmiah yang unggul. Lawatan ini amat berharga kepada kami kerana dapat bertukar pendapat, idea dan jambatan untuk saling faham memahami dalam usaha merapatkan hubungan profesionalisme.



DISEBALIK TABIR...



Sidang Redaksi



Penerbit Universiti
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Penasihat	HAJAH FARIDAH BINTI HAJI MD AMIN
Ketua Editor	MOHD SHAHAR BIN AKASHAH
Penolong Ketua Editor	RUZIAH BINTI ALI
Editor	NURHAFIDZ BIN ABD SAHAK RAHIZAH BINTI ABDUL RAHMAN
Grafik & Rekaletak	HANISAH BINTI HAMDZAH
Pembaca Prof	AZRUL IZMAN BIN KAMARUZAMAN RAIS BIN MAHAT RAHIM BIN SULAIMAN ZUHANA BINTI JOHARI AHMAD MASMULYADI BIN YUSOF
Jurugambar	ASRI BIN ABU ZULKIFLI BIN MASKURI MOHD ALWI BIN ABDUL HAMID